

Tutup



>> KHAS > COVID-19 > Pharmaniaga akan bekal 12 juta dos vaksin Covid-19 kepada kerajaan

# Pharmaniaga akan bekal 12 juta dos vaksin Covid-19 kepada kerajaan

BERNAMA || 26 Januari 2021



Isteri, anak, pembantu Nazri Aziz pula positif Covid-19

**A<sup>-</sup> A<sup>+</sup>**

SHAH ALAM - Pejabat  
Kementerian Kesihatan

**berita** seterusnya >

Perjanjian itu dimeterai oleh Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba sebagai mewakili kementeriannya dan Pharmaniaga diwakili oleh Pengarah Urusan Kumpulannya, Datuk Zulkarnain Md Eusope.

Zulkarnain berkata, Pharmaniaga menjangka menerima bekalan pertama CoronaVac daripada Sinovac Lifesciences Co Ltd (Sinovac) dari China bulan depan dan vaksin itu akan tersedia kepada rakyat Malaysia pada akhir Mac atau awal April.

"Pharmaniaga berbesar hati dengan kepercayaan yang diberikan oleh kerajaan untuk membekalkan vaksin kepada kemudahan kesihatan kerajaan. Kami akan mengendalikan proses pembotolan (fill and finish) CoronaVac serta mengendalikan logistik dan pengedaran vaksin itu ke hospital, klinik dan kemudahan lain yang ditetapkan kerajaan.

"Anak syarikat milik penuh kami, Pharmaniaga LifesScience Sdn Bhd (PLS) akan membottolkan CoronaVac di kilang Small Volume Injectable diperakui GMP dan Kesatuan Eropah yang digunakan semula bagi projek ini," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Beliau berkata, urusan logistik dan pengedaran akan dikendalikan oleh Pharmaniaga Logistics Sdn Bhd (PLSB), yang memiliki pengalaman selama 26 tahun menguruskan pengedaran vaksin dan memiliki prasarana canggih untuk menyokong keperluan itu.

Zulkarnain berkata, memandangkan situasi yang belum pernah berlaku ini, Pharmaniaga juga meningkatkan aspek keselamatan dari segi logistik vaksin.

Pada 12 Januari, Pharmaniaga memeterai perjanjian dengan Sinovac untuk mendapatkan bekalan besar vaksin yang akan melalui proses pembotolan di kilang berteknologi tingginya.

Perjanjian itu juga termasuk pindahan teknologi kepada syarikat berkenaan.

Zulkarnain berkata, Pharmaniaga berpuas hati dengan keputusan awal daripada ujian klinikal Tiga Fasa yang dijalankan ke atas orang awam di Turki yang menunjukkan keberkesanan CoronaVac pada 91.25 peratus.

"Pharmaniaga, Kementerian Kesihatan serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi telah mengadakan beberapa perbincangan dengan Sinovac mengenai keputusan ujian klinikal Fasa Tiga di Indonesia dan Brazil yang dijalankan menggunakan reka bentuk kajian berbeza tetapi mengikut standard dan garis panduan ketat Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

## 2021 Future of Leadership

How the expectations of digitally savvy workers are reframing leadership challenges.

"Di Brazil, sebagai contoh, ujian klinikal dijalankan hanya ke atas kumpulan profesional penjagaan kesihatan. Pharmaniaga berpuas hati dengan keputusannya terutamanya apabila CoronaVac merupakan satu-satunya vaksin dalam pasaran yang mengambil langkah berani sedemikian untuk menjalankan kaji selidik dalam persekitaran kumpulan yang mudah dijangkiti.

"Kami sangat yakin CoronaVac selamat, berkesan dan berkualiti tinggi bagi kegunaan rakyat Malaysia," katanya.

Zulkarnain berkata, CoronaVac telah didaftarkan dan diluluskan untuk kegunaan semasa kecemasan di China, Chile, Brazil, Indonesia dan Turki yang mana Presiden Turki, Recep Tayyip Erdogan dan Presiden Indonesia, Joko Widodo telah mengambil vaksin itu.

"Meskipun wujud perkembangan yang menggalakkan mengenai penggunaan CoronaVac, kita perlu mematuhi peraturan di Malaysia dan biarlah Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPPRA) mengkaji semasa ini surat dan dokumen berkaitan vaksin itu yang telah di-

[Baca cerita seterusnya >](#)

"Tertakluk kepada kelulusan NPRA, Insyaa-ALLAH, kami akan menyediakan vaksin untuk rakyat pada akhir Mac atau awal April," katanya.

Beliau berkata, sebaik sahaja CoronaVac berdaftar dengan NPRA, PLS akan menjadi pemegang pendaftaran produk dan pengedar eksklusif, yang diberikan kebenaran oleh Sinovac untuk keluaran siap pasaran Malaysia yang dikeluarkan di peringkat tempatan atau import dari China bagi kerajaan dan sektor swasta.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia pada Selasa, Pharmaniaga berkata, PLS telah menghantar permohonan untuk mendaftar dengan NPRA pada 19 Januari 2021.

Katanya, PLS telah menandatangani perjanjian dengan kerajaan bagi pembelian dan pengedaran Covid-19 Coronavac, SARS-COV-2 Vaccine (Vero Cell) Inactivated untuk dibekalkan ke hospital, klinik dan kemudahan-kemudahan lain di seluruh negara seperti diarahkan oleh Kementerian Kesihatan.

"Pembekalan vaksin Covid-19 yang telah selesai adalah tertakluk kepada pendaftaran dengan pihak berkuasa kawalan ubatan dan memenuhi semua syarat peraturan," katanya.

Menurutnya, perjanjian itu akan berkuat kuasa mulai 26 Januari 2021 dan dilaksanakan dalam tempoh setahun tertakluk kepada penamatan lebih awal oleh mana-mana pihak yang gagal mematuhi obligasi atau selepas membuat perjanjian muktamad.

Pharmaniaga berkata, CoronaVac merupakan jenis vaksin virus tidak aktif yang terdiri daripada zarah-zarah virus yang hidup dalam kultur dan kemudiannya hilang keupayaan untuk menghasilkan penyakit.

Vaksin jenis ini boleh dipercayai dan teknologinya telah terbukti sejak ditubuhkan 40 tahun lepas. Ia juga bersedia untuk digunakan tanpa perlu dicairkan.

Keadaan penyimpanan dan pengedaran vaksin ini adalah antara dua hingga lapan darjah Celsius, iaitu suhu vaksin yang sama digunakan oleh kemudahan sedia ada Pharmaniaga serta kemudahan penyimpanan di hospital dan klinik kerajaan. - Bernama

Ibu bunuh dua anak kerana ilmu hitam ✕


[vaksin](#) [Covid-19](#) [Pharmaniaga](#)

**Isteri, anak, pembantu Nazri Aziz pula positif Covid-19**

[Baca cerita seterusnya >](#)

- 1 Ibu bunuh dua anak kerana ilmu hitam
- 2 Suhakam gesa kerajaan agih vaksin Covid-19 tanpa...
- 3 Isu desak Zahid undur: Veteran UMNO nasihat semua bertenang
- 4 Rahsia kecantikan melalui pemakanan
- 5 Rasuah lebih parah daripada Covid-19

Dapatkan informasi dan statistik terkini penularan wabak Covid-19 di Malaysia di sini:  
<https://info.sinarharian.com.my/koronavirus>



## Komen

## Artikel Berkaitan



### Pharmaniaga sudah sedia edar vaksin Covid-19

KUALA LUMPUR - Pharmaniaga Bhd telah menubuhkan satu pasukan petugas dan melakukan persiapan sewajarnya bagi pendedaran vaksin Covid-19 yang dijangka...



### Pharmaniaga dijangka jadi pengedar utama vaksin Covid-19

KUALA LUMPUR - AmlInvestment Bank Bhd (AmlInvest) percaya Pharmaniaga Bhd akan menjadi pengedar utama vaksin Covid-19 kepada hospital tempatan dan akan...

### Isteri, anak, pembantu Nazri Aziz pula positif Covid-19

[Baca cerita seterusnya >](#)



### Vaksin Covid-19 tidak semua menyembuhkan: Pakar

KUALA LUMPUR - Ketika penantian penuh harapan untuk mengetahui keputusan ujian ke atas manusia bagi sekurang-kurangnya satu vaksin koronavirus...



### Penjelasan keselamatan vaksin Covid-19 perlu telus

KUALA LUMPUR - Ketelusan kerajaan memberikan penerangan jelas mengenai keselamatan vaksin Covid-19 kepada masyarakat, amat penting dalam memastikan...



### Covid-19: Salah maklumat punca masyarakat keliru tentang vaksin

SHAH ALAM - Pertikaian berterusan pihak tidak bertanggungjawab mengenai perolehan vaksin Covid-19 oleh kerajaan akan menimbulkan 'vaccine...



### 6.4 juta rakyat Malaysia bakal terima vaksin Covid-19: PM

PUTRAJAYA - Malaysia bakal menerima sebanyak 12.8 juta dos vaksin koronavirus (Covid-19) bagi menampung keperluan imunisasi untuk 20 peratus atau 6.4...

Project Not Found

DMCA PROTECTED

## Newsletter

Berita Telus & Tulus hanya untuk anda setiap hari. Langgan Sekarang!

Email

Nama

Saya telah memahami dan bersetuju dengan Polisi Data Peribadi.

Langgan

## Isteri, anak, pembantu Nazri Aziz pula positif Covid-19

SHAH ALAM - Selepas sehari Ahli Parlimen Padang Rengas, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz disahkan positif Covid-19, isteri, anak dan pembantunya pula dijangkiti wabak tersebut.

Sinarharian

## Trik mudah ini mencairkan lemak perut semasa anda tidur

Japan Shinyakoso | Sponsored

satu cawan (sekali) membakar lemak perut dengan serta-merta

Japan Shinyakoso

1 Cara mengecilkan per

Keto Diet

Isteri, anak, pembantu Nazri Aziz pula positif Covid-19

Baca cerita seterusnya >

**1 Cawan (Sebelum Tidur), Membakar Lemak Perut Seperti Gila.**

Ultra Fast Keto Boost

**Trik mudah ini mencairkan lemak perut semasa anda tidur**

Shinyakoso Enzyme

**Usianya 51 tahun tetapi mempunyai kulit seakan bayi! Sebelum tidur, saya sapu**

Lebih baik daripada Botox?

**Prosedur yang mudah ini akan menghilangkan kesakitan keseluruhan badan. Cubalah malam ini!**

BERITA & SAINS MALAYSIA

**Cara paling mudah untuk singkirkan lemak perut!**

ketoslim

**40 Of The Most Useless Planes Ever Made**

Car Novels

Sponsored Links by Taboola

**Isteri, anak, pembantu Nazri Aziz pula positif Covid-19**

[Baca cerita seterusnya >](#)